

KUALA LUMPUR, 28 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN KEPADA PARA PELABUR BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBIARKAN MEREKA MEMBERI LAYANAN KURANG ADIL KEPADA PEKERJA-PEKERJA TEMPATAN.

BELIAU MENEGASKAN PIHAK MAJIKAN, SAMA ADA DARI LUAR ATAU DALAM NEGERI, HENDAKLAH LEBIH MEMBERI PERHATIAN TERHADAP KEPERLUAN DAN ASPIRASI YANG SAH PEKERJA MASING-MASING BERIKUTAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG BURUH BARU-BARU INI.

+SEKIRANYA PARA MAJIKAN PERTINDAK, DEMIKIAN DAN MENOLONG MEWUJUD DAN MENGGALAKKAN PERSEKITARAN KERJA YANG SIHAT, KITA SUDAH TENTU AKAN TERJAMIN BUKAN SAHAJA KEKUATAN YANG BERTERUSAN MALAH KEHARMONIAN PERUSAHAAN, + KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERUCAP DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN SEMINAR MENGENAI PELUANG-PELUANG PELABURAN DI KAWASAN PEMBANGUNAN WILAYAH ANJURAN LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA) DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENEGASKAN SEKALI LAGI, TINDAKAN KERAJAAN MEMINDA UNDANG-UNDANG BURUH MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA USAHANYA UNTUK MELAHIRKAN IKLIM PELABURAN YANG BOLEH MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN YANG SIHAT. — BERSAMBUNG 1243/YF

MAHATHIR-SEMINAR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENJELASKAN LANGKAH KERAJAAN ITU TELAH DIDORONG OLEH HASRATNYA UNTUK MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA TELITA-TELITA MALAYSIA YANG TERPELAJAR YANG MUNCUL DI PASARAN KERJA SETIAP TAHUN.

+DEDIKASI DAN USAHA KERAJAAN SEUMPAMA INILAH YANG TELAH MEWUJUDKAN BERIBU-RIBU PELUANG PEKERJAAN DI NEGARA INI DAN JUGA MUTU KEHIDUPAN YANG DINIKMATI OLEH RAKYAT SEKARANG, + UJAR BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN, MENINGATKAN RAKYAT YANG TELAH PUN MEMPUYAI PEKERJAAN SUPAYA JANGAN CUBA MEROSAKKAN IKLIM PELABURAN SEKARANG INI YANG BERTANGGUNGJAWAB MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN MEREKA SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA KERAJAAN TIDAK MERANCANG —KAN DENGAN TELITI SEGALA DASAR DAN PERATURAN, UNDANG-UNDANG DAN PERJALANAN SUASANA PELABURAN YANG ADA SEKARANG, RAMAI DARIPADA BERIBU-RIBU ORANG YANG SEKARANG BEKERJA DAN BERATUS-RATUS LAGI YANG MEMEGANG JAWATAN DALAM KESATUAN-KESATUAN SEKERJA SERTA PARA PEMIMPIN MEREKA MUNGKIN MASIH MENGANGGUR HINGGA SEKARANG.

BELIAU MENINGATKAN IKLIM PELABURAN MERUPAKAN MILIK TERHARGA RAKYAT — SAMA ADA YANG BEKERJA ATAUPUN YANG MASIH MENGANGGUR — DAN BUKAN KEPUNYAAN KERAJAAN. — BERSAMPUNG 1250/YF

KATANYA JIKA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA TERUS MENGAMBIL LANGKAH LANGKAH YANG MENIMBULKAN KONFRANTASI DENGAN PARA MAJIKAN DAN KERAJAAN, MEREKA AKAN MENGGUGAT ASAS EKONOMI NEGARA YANG MANA KEKUATANNYA MERUPAKAN TEMPAT MEREKA BERGANTUNG DAN Mencari NAFKAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERCAKAP TENTANG MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PELABUR ASING DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG SEDANG MENUTUP KILANG-KILANG MEREKA ATAU MENGALAMI KERUGIAN, AKIBAT BERBAGAI TUNTUTAN PARA PEKERJA YANG TIDAK MENASABAH DAN MELAMPAUI BATAS HAK-HAK PEKERJA.

KATANYA, PARA PEMIMPIN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA BERKENAAN INGIN MENUNJUKKAN KEKUASAAN DAN KEKUATAN MEREKA KEPADA PARA MAJIKAN DAN KERAJAAN TANPA MEMPERHITUNGGAN KEPENTINGAN KAUM PEKERJA.

+JIKA MALAYSIA MENGIKUT LANGKAH INI, GENARASI KITA YANG AKAN DATANG AKAN KEHILANGAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN YANG HANYA BOLEH DISEDIAKAN MELALUI IKLIM PELABURAN YANG SIHAT.

+PARA PELABUR YANG SEDIA ADA DI NEGARA INI MUNGKIN TERPAKSA MENGURANGKAN JUMLAH PELABURAN ATAU MENUTUP PERUSAHAAN MEREKA SAMA SEKALI DAN INI BOLEH MENGAKIBATKAN

PARA PEKERJA MENJADI PENGANGGUR, + TAMPAH BELIAU. -- BERSAMBUNG

1330/YF

B524

MAHATHIR-SEMINAR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN LANGKAH KERAJAAN MEMINDA UNDANG-UNDANG BURUH PARU-PARU INI ADALAH UNTUK MENGELAKKAN KEADAAN TERSEBUT DARI PERLAKU DI NEGARA INI.

+KITA MAHU MENGEKALKAN IKLIM PELABURAN SIHAT YANG KITA NIKMATI SEKARANG DAN DALAM MASA YANG SAMA, MENYEDIAKAN SATU KEADAAN PEKERJAAN YANG SERAIK MUNGKIN UNTUK RAKYAT, BUKAN SAHAJA KEPADA MEREKA YANG MEMPUNYAI PEKERJAAN TETAPI JUGA MEREKA YANG AKAN Mencari PEKERJAAN PADA MASA HADAPAN.+

KEPADA PARA PEKERJA DI NEGARA INI, BELIAU BERKATA MEREKA YANG Mencari PEKERJAAN PADA MASA AKAN DATANG ADALAH ANAK-ANAK DAN SAUDARA KAUM PEKERJA SENDIRI.

KATANYAN +LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL DAN AKAN TERUS DIAMBIL OLEH KERAJAAN ADALAH UNTUK MEMELIHARA IKLIM PERUSAHAAN SIHAT YANG DINIKMATI SEKARANG SUPAYA PELUANG PEKERJAAN UNTUK ANAK-ANAK SERTA SAUDARA MARA KITA AKAN TERJAMIN KELAK+. -- BERSAMBUNGI

1334/YF

MAHATHIR-SEMINAR 5 KUALA LUMPUR

TERDA ULU DARI ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIKATKAN USAHA KERAJAAN MEMAJUKAN KELIMA-LIMA KAWASAN PEMBANGUNAN WILAYAH --JENGA TIGA SEGI, JOHOR TENGGARA, TRENGGANU TENGAH, PAHANG TENGGARA DAN KELANTAN SELATAN--SEPEGAT SATU KEAJAJRAN PERMODENAN.

KATANYA, PEMBANGUNAN ITU JUGA MERUPAKAN SATU USAHA GIGIH YANG TIDAK BANYAK TOLOK BANDINGANNYA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MENYANGGUT DI DUNIA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU KESAL USAHA-USAHA TERSEBUT MASIH BELUM MENDAPAT PUBLISITI YANG MELUAS.

MENURUT TIMEALAN PERDANA MENTERI, KELIMA-LIMA KAWASAN ITU MELIPUTI LEBIH 7.54 JUTA EKAR SUMBER-SUMBER AGLI YANG BELUM DITEROKAI DAN KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN LEBIH \$1,000 JUTA LAGI MEMAJUKANNYA.

+SEBENARNYA KITA SEDANG MEWUJUDKAN SEBUAH KAWASAN EKONOMI BARU YANG BESARNYA SAMA DENGAN BELGIUM ATAU TIGA KALI LEBIH BESAR DARI HONG KONG DAN BEBERAPA KALI LEBIH BESAR DARI SINGAPURA,+ KATA BELIAU.

BELIAU MENYAMAKAN PEMBANGUNAN KAWASAN-KAWASAN ITU DAN DEDIKASI SEMUA KAKITANGAN BERBAGAI LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH SERTA PARA PENEROKANYA DENGAN LEGENDA AMERIKA +HOW THE WEST WAS WON.+

-- BERSAMBUNG 134D/YF

F526

MAHATHIR-SEMINAR 6 KUALA LUMPUR

+TETAPI DI MALAYSIA, KITA KINI SEDANG MEWUJUDKAN LEGENDA. BAGAIMANA BAHAGIAN TIMUR, SELATAN DAN TENGAH NEGARA INI DI-MAJUKAN.

+DALAM BEBERAPA TAHUN YANG AKAN DATANG MULAI SEKARANG,

USAHA INI AKAN MENJADI SATU CERITA YANG DRAMATIK TENTANG KEAZAMAN DAN KEMAHUAN, KEGAGALAN DAN KEJAYAAN.

+KERAJAAN MALAYSIA INGIN MENGUNDANG KALANGAN PERNIAGAAN DI
DALAM DAN LUAR NEGERI MENYERTAI USAHA MEWUJUDKAN LEGENDA INI,+
UJARNYA.

PENGERUSI MIDA, DATUK JAMIL JAN, DALAM UCAPAN ALU-ALUANNYA
BERKATA KELIMA-LIMA KAWASAN PEMBANGUNAN WILAYAH ITU MERUPAKAN
POTENSI BAGI KEGIATAN PERINDUSTRIAN, PERUSAHAAN BERASASKAN
PERTANIAN DAN LAIN-LAIN KEGIATAN EKONOMI DI MASA AKAN DATANG.

KAWASAN-KAWASAN ITU JUGA MERUPAKAN SKOP BAGI PENYELERAKAN
INDUSTRI DAN PEWUJUDAN KEGIATAN EKONOMI, SOSIAL DAN LAIN-LAIN
PERKHIDMATAN YANG LENGKAP.

MENURUTNYA, LEMBAGA PEMBANGUNAN WILAYAH ITU MEMPUYAI TUGAS
UNIK BAGI MEWUJUDKAN SATU KONSEP BARU DALAM PEMBANGUNAN BANDAR-
BANDAR BARU. — BERNAMA 1345/YF